

09/12/1998

Sebar maklumat rasmi

KEMENTERIAN Penerangan sentiasa memantau tohmahan terhadap kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang disebarakan melalui Internet serta risalah ke seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata sebagai tindak balas, semua jabatan dan agensi kementerian menyebarkan maklumat rasmi melalui pelbagai program RTM dan bahan cetak, aktiviti gerak saraf serta komunikasi bersemuka secara terancang dan berselaras.

"Adalah dipercayai langkah yang sudah diambil itu difahami rakyat yang setia," katanya dalam jawapan bertulis kepada Senator Mastika Junaidah.

Mohamed berkata, kementerianya tidak dapat menyekat penerimaan orang ramai terhadap berita tohmahan itu dan hanya mampu meminta mereka berfikir secara matang.

"Rakyat wajar berfikir secara matang dan menceraikan tohmahan itu sendiri dengan mengimbangkan tohmahan dengan berita rasmi yang dihebahkan," katanya.

(END)